

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 1971**

#### **PENGELUARAN LESEN-LESEN MENDUDUKI SEMENTARA**

Daripada pengalaman yang lepas-lepas adalah di dapati bahawa pengeluaran Lesen-lesen Menduduki sementara telah menimbulkan banyak masalah kepada Pentadbiran tanah, di antaranya ialah :-

- (a) Pemegang lesen tidak membaharui lesennya sehingga akhir tahun;
- (b) Tanah-tanah yang diberikan sewa itu tidak digunakan mengikut syarat-syarat lesennya.
- (c) Kesukaran menahan penyewa daripada terus menduduki/memerintah apabila tanah itu dikehendaki oleh Pihak Berkuasa.
- (d) Kerugian hasil Kerajaan.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan, di dalam persidangannya pada 6hb. Disember, 1970 telah mengulangkaji akan perkara ini [Kertas Bil. 24/908/70 III (9)] dan membuat keputusan-keputusan seperti berikut:

- (a) Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah hendaklah berhenti daripad mengeluarkan Lesen-lesen Menduduki Sementara atas tanah-tanah kerajaan, melainkan atas tanah-tanah yang tidak boleh diberi milik pada bila-bila masa pon, seperti tanah rizab, tanah tumbuh, rizab pantai, rizab sungai dan sebagainya.

- (b) Pertimbangan boleh diberikan kepada pemegang-pemegang Lesen Menduduki Sementara bagi memiliki tanah-tanah yang mereka sedang menduduki/ memerintah jika mereka memohon, dan jika mereka memohon, dan jika Pemungut Hasil Tanah berpuas hati bahawa tanah yang berkenaan itu memang sesuai dan munasabah untuk diberi milik.
3. Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil perhatian di atas keputusan MMK di perenggan 2 di atas. Dengan ini adanya keputusan-keputusan tersebut, adalah ditegaskan bahawa:
- (a) Pengeluaran Lesen-lesen Menduduki Sementara yang baru atas tanah-tanah selain daripada tanah-tanah yang disebutkan di perenggan 2(a) hendaklah diberhentikan mulai sekarang;
  - (b) Ditegah sama sekali pengeluaran Lesen-lesen Menduduki Sementara baru bagi maksud sebarang bangunan atau pertanian yang berjenis kekal;
  - (c) Permohonan-permohonan mendapatkan hakmilik sebagai mengantikan lesen-lesen yang dikeluarkan sebelum tahun 1971 boleh diterima daripada pemegang-pemegang lesen menduduki sementara dengan mengikut syarat-syarat di perenggan 2(b) di atas, dengan mengambil kira sama ada daftar permohonan tanah bagi mukim itu dibuka atau tidak.
  - (d) Bagi permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen manduduki sementara yang di tegah pemungut-pemungut mengeluarkannya bagaimana kandungan perenggan (a) dan (b) di atas tetapi pemungut-pemungut hasil tanah berpendapat patut diberikan maka permohonan-permohonan itu hendaklah dimajukan untuk dipertimbangkan M.M.K sendiri.

4. Pengedaran Pesuruhjaya Tanah dan Galian Kelantan Bil. 8 Tahun 1966 adalah dengan ini dibatalkan.

t.t  
**(Akasah bin H.A. Rahman)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN**

PTG.KN. 11/63/(43)